

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN  
[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan masalah tumbesaran terbantut di mana Laporan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan bahawa 17.7 peratus kanak-kanak dan remaja yang berusia 5 tahun hingga 19 tahun mengalami masalah pertumbuhan terbantut manakala Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) melaporkan bahawa 23 % kanak-kanak miskin bandar juga mengalami masalah tumbesaran terbantut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak, Program Menangani Masalah Bantut telah dilaksanakan dengan mensasarkan mereka yang berada di dalam 1,000 hari pertama kehidupan, iaitu ibu yang mengandung sehingga kanak-kanak berumur 2 tahun. Strategi program ini adalah berbentuk *public awareness* dan *capacity building* yang dilaksanakan melalui empat pendekatan iaitu komuniti, media, taman asuhan kanak-kanak (TASKA) serta klinik kesihatan.

2. Program Memerangi Masalah Bantut telah dilaksanakan dengan pelbagai aktiviti berbentuk kesedaran dan pengetahuan awam serta libat urus pelbagai agensi mengenai isu bantut dalam kalangan kanak-kanak. Pelbagai program bersama masyarakat, penyediaan bahan media #anakmalaysiasihat, sesi latihan dan dialog interaktif bersama pengasuh dan ibu bapa yang menghantar anak ke TASKA kerajaan serta latihan pengukuhan kompetensi pertumbuhan dan pemakanan kanak-kanak dalam kalangan anggota kesihatan di klinik telah dilaksanakan.

3. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha mengesan kanak-kanak yang berisiko dan mengalami masalah kekurangan zat makanan termasuklah bantut. Ibu bapa yang mempunyai anak bawah 5 tahun perlu hadir ke klinik untuk pengukuran berat dan tinggi bagi mengetahui status pemakanan mereka. Di klinik kesihatan kerajaan, perkhidmatan ini diberi secara percuma, di mana sekiranya anak tersebut dikesan mengalami masalah pemakanan, mereka akan dipantau dan dinilai secara bulanan oleh anggota kesihatan. Selain itu, pendidikan berkaitan penjagaan kesihatan, pemakanan dan kebersihan diri serta persekitaran turut diberi penekanan.

Sekian, terima kasih.